



DR. EDI SUHAIMI BAKAR menunjukkan produk kayu yang dibuat daripada pokok sawit dengan teknologi terbaharu di Serdang baru-baru ini.

Perhebat industri perkayuan

NILAI eksport produk perkayuan pada tahun 2015 dilihat meningkat sebanyak 6.5 peratus dengan mencatatkan nilai sekitar RM22.1 billion berbanding 2014.

Keadaan tersebut memperlihatkan industri perkayuan masih memainkan peranan utama dalam menjana pendapatan dalam negara.

Pelbagai inovasi dan teknologi mula dibangunkan bagi merancakkan lagi industri tersebut antaranya bahan biokomposit.

Menurut Ketua Pengarah Lembaga Perindustrian Kayu Malaysia (MTIB), **Datuk Dr. Jalaluddin Harun**, antara produk perkayuan yang berpotensi untuk menggunakan bahan tersebut adalah papan lapis, *chip board*, *particle board*, *fibre board*.

Jelasnya, produk papan lapis merupakan produk kedua terbesar yang menyumbang kepada nilai eksport produk perkayuan negara.

“Pada tahun lepas (2015), papan lapis mencatatkan nilai eksport sebanyak RM4.7 billion iaitu sedikit menurun sekitar 9.9 peratus berbanding tempoh yang sama pada 2014.

“Produk *fibre board* mencatatkan peningkatan nilai eksport sebanyak 7.1 peratus pada tahun 2015 dengan nilai eksport RM1.1 billion berbanding 2014 iaitu sekitar RM1.02 billion sahaja,” katanya.

Beliau berkata demikian ketika

berucap pada majlis Universiti Putra Malaysia (UPM) Innovation Open Dat (IOD) 2016 di Serdang, Selangor baru-baru ini.

Tambah Dr. Jalaluddin, bagi produk *chip board* dan *particle board* pula telah mencatatkan nilai eksport sebanyak RM371 juta pada 2015, meningkat sebanyak 8.7 peratus berbanding 2014.

“Di bawah bab bahan mentah dalam Dasar Perindustrian Kayu Negara (NATIP), penggunaan bahan biokomposit merupakan antara bahan alternatif yang dikenal pasti untuk kegunaan produk perkayuan.

“Antaranya adalah perabot, papan lapis, *fibre board*, *chip board* dan *particle board*,” katanya.

Seperti yang yang kita ketahui, sumber perkayuan daripada hutan semulajadi dianggarkan terus menurun daripada 20 juta meter padu pada 2008 kepada hanya 14 juta meter padu pada 2032.

Bagi mengatasi perkara tersebut, Institut Pertanian Tropika dan Produk Hutan (Introp) mula memainkan peranan mereka bagi menyokong pertumbuhan industri perkayuan negara.

Pihak MTIB yakin dengan hasil penyelidikan dan kajian yang telah dan sedang dilaksanakan oleh pihak institut berkenaan, industri perkayuan dapat mengekalkan penghasilan produk mereka.